

22 MAY 1996

PETRONAS SEDIA HADAPI CABARAN BARU

Oleh: M.Jegathesan

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Petronas telah melakukan penyusunan semula untuk mempertingkatkan keupayaan bagi manghadapi cabaran perniagaan dan menghasilkan pulangan dari seberang laut.

Seorang pegawai syarikat yang tidak mahu dikenali menyatakan kepada Bernama, Boston Consulting Group dari Amerika Syarikat telah melaksanakan Kajian Strategi Korporat (CSS) mulai Ogos lepas hingga bulan Feb 1996 nanti.

Di samping mengenal pasti peluang perniagaan di serata dunia, beliau menyatakan kajian itu juga mencadangkan penyusunan semula empat kegiatan utama Petronas, kata sumber itu.

Kegiatan itu ialah Carigali dan Pengeluaran (EMP), Gas, Petrokimia dan Penapisan dan Pemasaran.

Sumber itu menyatakan empat bahagian baru telah dibentuk iaitu Pengurusan Sumber Manusia, Kewangan, Teknologi dan Perkhidmatan.

"Adalah menjadi visi syarikat untuk menghasilkan 30 peratus pulangan daripada operasi seberang laut selepas tahun 2000.

"Kami perlu mengembang secara global dan menjadi syarikat antarabangsa. Kita tidak boleh bergantung kepada pengeluaran tempatan sahaja untuk mendapatkan pulangan," kata sumber itu.

Beliau menambah kata bahawa "dalam perniagaan minyak, keputusan kadangkala harus dibuat dengan segera dan struktur lama tidak membolehkan berbuat seumpama itu."

Sumber itu menyatakan di antara penceburan seberang laut yang memberangsangkan ialah lapangan minyak Ruby dan Dai Hung di Vietnam, beliau menambah kata Petronas mungkin akan memiliki ekuiti dalam kilang pemprosesan gas yang akan dibina di sana.

"Kejayaan kita di Vietnam berkaitan dengan secara langsung kepada usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempereratkan hubungan antara kedua-dua negara," kata sumber itu.

Sehingga kini, Petronas telah menubuhkan anak syarikat di Timur Tengah dan Australia untuk membina saluran paip dan memiliki stesen minyak di Kemboja. -- BERNAMA

JSM RIF SIA